

# BULETIN

# JKR KELANTAN



Jabatan Kerja Raya Kelantan  
Bahagian Pengurusan Korporat  
Jalan Kuala Krai  
15050 Kota Bharu  
Kelantan

LAMAN WEB: [WWW.JKR.KELANTAN.GOV.MY](http://WWW.JKR.KELANTAN.GOV.MY)  
INSTAGRAM : [JKR.KELANTAN.GOV](https://www.instagram.com/jkr.kelantan.gov)  
FACEBOOK : [JKR.KELANTAN.GOV](https://www.facebook.com/jkr.kelantan.gov)



## EDISI 8

OGOS 2018 | ZULHIJAH 1439

**Sayangi  
Malaysiaku**



# SIDANG REDAKSI

## PENAUNG

Dato' Ir. Hj. Razani Bin Ab. Lazid  
Pengarah Kerja Raya Jabatan Kerja  
Raya Kelantan

## KETUA PENGARANG

Haji Nik Soh Bin Yaacoub  
Jurutera Awam Penguasa  
Bahagian Pengurusan Korporat

## AHLI JAWATANKUASA BAHAGIAN PENGURUSAN KORPORAT

Puan Haslinda Binti Ahmad  
Jurutera Awam (J41)

Encik Mohd Ikhwan Bin Mohd Bustaman  
Penolong Jurutera Awam Tertinggi (JA38)

Encik Mohd Azizul Hakim Bin Ab. Aziz  
Penolong Jurutera Awam Kanan (JA36)

Encik Mohd Adzril Bin Ariffin  
Penolong Jurutera Awam (JA29)

Puan Farhana Binti Che Mohd Nuroddin  
Penolong Jurutera Awam (JA29)

Encik Azmi Bin Abd Aziz  
Penolong Jurutera Awam (JA29)

Encik Shukri Bin Hassan  
Penolong Jurutera Awam (JA29)

Encik Mat Alias Bin Dollah  
Penolong Jurutera Awam (JA29)

Encik Mohd Shamsul Azman Bin Manaf  
Penolong Pegawai IT (FA29)

Puan Rossfariza Binti Ibrahim  
Pembantu Tadbir (N22)

Encik Saiful Bahri Bin Md. Yusoff  
Pembantu Operasi (N11)

Encik Syahizad Bin Mohd Zahari  
Pembantu Awam (H11)

Cik Nor Baizura Binti Sutekno  
Pelajar Latihan Industri



**2**

**PERSADA MINDA DI IBU  
PEJABAT JKR KUALA LUMPUR**

**12**

**PERUTUSAN HARI RAYA  
AIDIL ADHA 2018**

**4**

**MAJLIS PENYERAHAN  
SEKOLAH DAIF FASA 1**

**13**

**AUDIT DALAMAN SISTEM  
PENGURUSAN KESELAMATAN  
KESIHATAN**

**5**

**KEJOHANAN BADMINTON  
TERTUTUP MSK JKR  
KELANTAN 2018**

**15**

**HARI KEBANGSAAN 2018**

**6**

**TAHNIAH JKR MALAYSIA**

**7**

**AUDIT SIRIM QAS INTERNATIONAL  
ISO 9001:2015**

**8**

**ANUGERAH PERKHIDMATAN  
CEMERLANG**

**11**

**SAMBUTAN HARI RAYA  
AIDIL ADHA &  
KEJOHANAN BADMINTON**

# MAJLIS PENYERAHAN PROJEK HOSPITAL KUALA KRAI PADA 1/8/18 (RABU)



# PERSADA MINDA @ JKR 2018

Program Persada Minda JKR 2018 bertemakan “Lensa Kejayaan; Kearifan Silam, Pencetus Ilham” telah berlangsung dengan jayanya pada 1 Ogos 2018, Selasa bertempat di Dewan Tan Sri Mahfoz Khalid, Kuala Lumpur.

Program yang berlangsung selama dua (2) hari ini bermula 1 – 2 Ogos 2018 telah dirasmikan oleh YBhg. Dato’ Sri Ir. Dr. Roslan bin Md Taha, Ketua Pengarah Kerja Raya Malaysia dan turut dihadiri oleh pegawai - pegawai kanan JKR Ibu Pejabat dan Negeri.

Penganjuran kali ke sembilan (9) ini merupakan penganjuran bersama oleh Unit Enterprise Content and Knowledge Management (ECKM), CPAB dan Bahagian Komunikasi Korporat, CDPK. Program ini telah menarik minat seramai 550 orang peserta terdiri daripada warga Jabatan Kerja Raya meliputi Ibu Pejabat, Negeri, Wilayah dan Daerah serta pelbagai agensi kerajaan yang lain seperti Arkib Negara Malaysia, Jabatan Insolvency Negara, Perpustakaan Negara Malaysia dan Institut Tadbiran Awam Negara.

Majlis dimulakan dengan Ucapan Aluan oleh Pengarah Kanan CPAB, YBrs. Ir. Ab Hamid bin Hj. Md Daud dan seterusnya Ucapan Perasmian Persada Minda JKR tahun 2018 oleh Ketua Pengarah Kerja Raya, YBhg. Dato’ Sri Ir. Dr. Roslan bin Md Taha. Dalam ucapan perasmian, DS KPKR mengharapkan program ini berjaya mencapai matlamat untuk membina masyarakat berilmu di kalangan warga JKR dengan penganjuran program pembudayaan ilmu secara berterusan.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sijil penghargaan khas kepada penyumbang pembudayaan ilmu JKR. Antara kategori yang dinamakan adalah pengguna dan moderator JCoP paling aktif, kumpulan Communities of Practice paling aktif, kumpulan Penyumbang JPedia yang terunggul, pemenang Pertandingan Foto Program Jom Baca 10 minit dan juga peminjam bahan bacaan terbanyak di perpustakaan JKR.

Majlis disusuli dengan pelancaran modul e-Learning JKR yang dibangunkan secara usaha sama oleh Unit Enterprise Content and Knowledge Management (ECKM), CPAB dengan Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan & Teknologi (CREaTE) di mana bahan e-learning ini boleh dicapai melalui pautan [www.epsa.gov.my](http://www.epsa.gov.my) (link is external) mulai bulan Oktober 2018. Tiga (3) modul e-learning yang dibangunkan adalah Value Management Awareness In Public Projects oleh CPAB, Jalan Rosak : Apa yang perlu anda tahu dan Reinforced Concrete : Workmanship Issues at Site During Construction oleh CREaTE. Di samping itu, terdapat juga tiga (3) video Expert Tech Talk iaitu Concrete Durability oleh Dr. Lim Char Ching, Spesifikasi Kerja Konkrit oleh Ir. Mohd Noor Azudin bin Mansor dan Penilaian Tuntutan Akibat dari Lanjutan Masa oleh Sr Amran bin Mohd Majid.

Pelancaran buku bertajuk “Rumah Teres dan Kesperasian Budaya Masyarakat Malaysia” yang ditulis oleh Nik Farah Elina Nik Ramzi Shah dari Cawangan Arkitek dan Professor Dr. Mohd Tajuddin bin Mohd Rasdi dari UCSI University turut disempurnakan semasa perasmian.



# KEPUTUSAN SARINGAN KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) JKR MALAYSIA 2018

Sukacita dimaklumkan bahawa Saringan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) JKR Malaysia 2018 telah diadakan di JKR Negeri Melaka pada 17 hingga 18 Julai 2018. Program tersebut telah dirasmikan oleh YBrs. Ir. Abdul Mutalif Bin Abdul Hameed, Pengarah Bahagian Inovasi, Penyelidikan dan Pembangunan Kejuruteraan, Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi JKR (CREaTE).

Sebanyak 39 buah kumpulan dari pelbagai Cawangan dan Negeri telah menyertai sesi saringan kali ini di mana 29 buah kumpulan bertanding di bawah Kategori Teknikal manakala baki 10 buah kumpulan bertanding di bawah Kategori Pengurusan. Sebanyak 5 buah kumpulan terbaik bagi setiap kategori telah dipilih bagi menyertai peringkat akhir Konvensyen KIK JKR Malaysia 2018 sempena Hari Inovasi JKR 2018 yang akan diadakan pada 1 hingga 2 Oktober 2018 di Kota Bharu, Kelantan.

## Kategori Teknikal

Nama Kumpulan	Caw/Bah/Daerah	Tajuk KIK
LITHIUM	Cawangan Kejuruteraan Awam dan Struktur, Ibu Pejabat JKR Malaysia	F-Flex
WJP (With Jeli Pride)	JKR Jajahan Jeli	Kaedah Efisien Membersih Longgang Perimeter
BRANG TEAM	JKR Daerah Hulu Terengganu	Multipurpose Sign (MP Sign)
eN9	Cawangan Kejuruteraan Elektrik, JKR Negeri Sembilan	Fius Haba di Soket Alir Keluar
DINAMIK	JKR Jajahan Pasir Mas	Early Warning System

## Kategori Pengurusan

Nama Kumpulan	Caw/Bah/Daerah	Tajuk KIK
PADU	JKR Negeri Pahang	Pengurusan Kenderaan Bersepadu
MARVEL	Cawangan Kejuruteraan Elektrik, Ibu Pejabat JKR Malaysia	EMAL Mobile Apps
ELECT (Electrical Creative Team)	Cawangan Kejuruteraan Elektrik, Ibu Pejabat JKR Malaysia	Smart Pro Estimator
L3a	JKR Jajahan Machang	Smart Thumb (Sistem Pendaftaran dan Pengesahan Cap Jari Kontraktor)
e-FLASH	Cawangan Kejuruteraan Elektrik, JKR Negeri Kelantan	STARS (Smart Traffic Analytics & Recognition System)



Tahniah diucapkan kepada semua kumpulan yang layak ke peringkat akhir. Bagi kumpulan yang tidak berjaya, usaha dan komitmen yang ditunjukkan amat dihargai dalam usaha untuk menjadikan JKR menjadi salah satu jabatan yang membudayakan inovasi dalam penyampaian perkhidmatan. Penambahbaikan ke atas setiap produk inovasi yang dipertandingkan boleh dilakukan secara berterusan, seterusnya potensi produk tersebut dapat dimanfaatkan oleh Jabatan.

Akhir kata, JKR Negeri Kelantan ingin merakamkan penghargaan kepada JKR Negeri Melaka atas kerjasama dalam menjayakan Saringan Konvensyen KIK JKR Malaysia 2018.





**LAWATAN AUDIT JKKP DI  
JKR NEGERI KELANTAN  
PADA 7/8/18 (SELASA)**



**MAJLIS PENYERAHAN SEKOLAH DAIF  
FASA 1 - PAKEJ 7 (PASIR PUTEH /  
KOTA BHARU) PADA 8/8/18 (RABU)**



KEJOHANAN  
 BADMINTON  
 TERTUTUP MSK JKR  
 KELANTAN 2018 PADA  
 9/8/18 -11/8/18 (KHAMIS  
 HINGGA SABTU)

Kejohanan Badminton Tertutup MSK JKR Kelantan 2018 yang berlangsung selama 3 hari pada (09/08/2018 - 11/08/2018) di Dewan PBNK, Jalan Telipot tahniah diucapkan kepada semua pemenang.



**MESYUARAT PELAN BISNES DAN PENGURUSAN  
 RISIKO JKR NEGERI KELANTAN PADA 12/8/18 (AHAD)  
 DI BILIK GERAKAN JKR KELANTAN**





# TAHNAH JKR MALAYSIA



SETTINGGI-TINGGI UCAPAN

## Tahniah!

KEPADA

**JABATAN KERJA RAYA  
MALAYSIA**

DI ATAS PENARAFAN  
LIMA BINTANG



**INDEKS AKAUNTABILITI 2017**

**Ucapan TAHNIAH BERGANDA  
kepada warga Jabatan Kerja  
Raya Malaysia di atas  
kejayaan memperoleh  
penarafan 5 bintang untuk  
Sistem Star Rating Tahun  
2017 serta Indeks  
Akauntabiliti Tahun 2017!!!**



SETTINGGI-TINGGI UCAPAN

## Tahniah!

KEPADA

**JABATAN KERJA RAYA  
MALAYSIA**

DI ATAS PENARAFAN  
LIMA BINTANG



**INDEKS SSR 2017**  
(SISTEM STAR RATING)



## Tahniah

JKR MALAYSIA

**AUDIT SIRIM QAS INTERNATIONAL ISO 9001: 2015 PADA  
14/8/18-16/8/18 (SELASA - KHAMIS)**

**IBU PEJABAT JKR KELANTAN**



  
**Selamat Datang**  
**KE JKR KELANTAN**  
**AUDIT PENSIJILAN ISO 9001:2015**  
**SISTEM PENGURUSAN KUALITI JKR**  
**DI JKR KELANTAN**  
OLEH : SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN.BHD  
PADA 14 - 16 OGOS 2018





**AUDIT JAJAHAH: JKR GUA  
MUSANG  
PROJEK: JAMBATAN KG. BERTAM  
BARU KE BERTAM LAMA  
PADA: 13/8/18 (ISNIN)**



**AUDIT JAJAHAN: JKR PASIR  
PUTEH  
PROJEK: NAIKTARAF JALAN  
CHERANG RUKU PASIR PUTEH  
KE TOK SABOH BESUT, PASIR  
PUTEH  
PADA: 13/8/18 (ISNIN)**




**ANUGERAH  
PERKHIDMATAN  
CEMERLANG PADA  
14/08/18 (SELASA) DI  
DEWAN TAN SRI  
MAHFUZ KHALID, KUALA  
LUMPUR**




Tahniah diucapkan kepada semua penerima APC dari JKR Kelantan, semoga kejayaan ini terus menyemarakkan semangat kerja yang lebih cemerlang untuk lebih memperkasakan JKR Kelantan

# **JKR KUARI PUSAT BUKIT BULOH**

Kerja-Kerja membina bonggol Jalan di hadapan Sekolah Kebangsaan Mata Air, Pulau Chondong, Kelantan 15/8/2018 (Rabu).



## **PERANCANGAN PEMBINAAN MASJID DI GUA MUSANG PADA 20/8/18 (ISNIN)**



Gua Musang Kelantan bakal mempunyai masjid paling besar dan paling unik di negeri itu dengan pembinaan masjid mirip Masjidil Haram di Mekah.

Masjid menelan belanja RM23 juta ilham Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah bakal menjadi mercu tanda dan tumpuan pelancong ke Kelantan Dibina atas tanah seluas 1.5 hektar ia mampu menampung hampir 5,000 jemaah. Keunikannya tertumpu kepada warna, jubin dan hiasan luar termasuk 9 menara mirip Masjidil Haram.

Ia termasuk ruang tengah dibina batu hitam empat segi yang akan mengalirkan air dari atas umpama Kaabah bagi memudahkan jemaah haji dan umrah berkursus sebelum ke Tanah Suci.

**MESYUARAT  
PENGURUSAN JKR NEGERI  
KELANTAN BIL .4/ 2018 DI  
TANAH MERAH PADA  
19/8/18 (AHAD)**



**MESYUARAT HARI INOVASI JKR MALAYSIA  
BERSAMA CAWANGAN DASAR PENGURUSAN  
KORPORAT (CDPK) PADA 20/8/18 (ISNIN)**



**MAJLIS PENYERAHAN PROJEK  
LEBUHRAYA PAKEJ 1B: PASIR HOR KE  
KADOK PADA 21/8/2018 (SELASA)**



**SAMBUTAN HARI RAYA AIDIL ADHA & MAJLIS PENYAMPAIAN  
HADIAH KEJOHANAN BADMINTON BERPASUKAN PADA  
26/8/18 (AHAD)**



**PERUTUSAN HARI RAYA AIDIL ADHA PENGARAH KERJA RAYA  
NEGERI KELANTAN PADA 20/8/18 (ISNIN)**

**Assalamualaikum w.b.t,**



**Alhamdulillah, kita dapat sekali lagi menyambut Hari Raya Aidiladha atau Hari Raya Korban dalam keadaan negara aman damai dan ekonomi yang terus berkembang sihat. Sesungguhnya ia dimungkinkan kerana umat Islam Malaysia khususnya di Kelantan sentiasa berpegang kepada pendekatan Wasatiyyah atau pertengahan yang progresif sifatnya.**

**Sempena sambutan hari yang penuh berkat dan bermakna ini juga, marilah kita mengambil iktibar dari contoh keimanan dan pengorbanan yang telah dipamerkan oleh Nabi Ibrahim as dan anaknya Nabi Ismail as di dalam melaksanakan perintah Allah s.w.t yang mana perlu diterapkan dalam diri setiap umat Islam.**

**Kesyukuran menuntut kita umat Islam Malaysia khususnya di Kelantan untuk memanfaatkan sebaik-baiknya apa yang telah dikurniakan oleh Allah s.w.t bagi mencari kejayaan di dunia dan di akhirat. Janganlah sekali-kali kita bersifat kufur nikmat atau mengambil mudah tanggungjawab kita selaku hamba dan Khalifah-Nya di muka bumi.**

**Saya ingin mengambil kesempatan ini bagi pihak diri saya, isteri dan keluarga untuk mengucapkan Selamat Menyambut Hari Aidiladha kepada semua kakitangan JKR Kelantan, selamat mengerjakan ibadat korban dan bagi yang sedang mengerjakan ibadat haji semoga selamat menyempurnakan segala tuntutan dan pulang ke tanah air dengan Haji Mabrur.**

**Sekian, wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum w.b.t..**

**Dato' Ir. Hj. Razani Bin Ab Lazid**

**Pengarah Kerja Raya**

**Jabatan Kerja Raya Negeri Kelantan**

**Tingkat 2, Blok A,**

**Ibu Pejabat JKR Kelantan**

# AUDIT DALAMAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN & KESIHATAN JKR OHSAS 18001: 2007 PADA 28/8/18- 29/8/18 (SELASA HINGGA RABU)



## PROJEK KLINIK KESIHATAN PENAMBANG



## PROJEK PEMBINAAN HOSPITAL BACHOK

## PROJEK BAIKI JALAN KOTA BHARU-KUALA TERENGGANU, KM 10-KM 21

## **BENGGKEL PEMBANGUNAN LAMAN WEB PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN PADA 26/8/18-28/8/18 (AHAD HINGGA SELASA)**





# LAWATAN EXCO KERJA RAYA KE BLOK 8 SUK KELANTAN PADA 30/8/18 (KHAMIS)

Bangunan tambahan Blok 8  
SUK Kelantan masih dalam  
proses pembinaan dan telah  
dilawati oleh Pengarah pada  
30/8/18



## **MESYUARAT PENYELARAS GIS BIL 1/2018 DAN LAWATAN PROJEK WAD DIRAJA PADA 30/8/18 (KHAMIS)**



# **HARI KEBANGSAAN 2018**

***Perbarisan Hari Kebangsaan 2018 dari Kontinjen  
JKR Negeri Kelantan yang berlangsung pada Jumaat  
(31/8/18) di Mini Stadium Pasir Mas***





**No. 14, Jalan Kuala Krai, Bandar  
Kota Bharu, 15050 Kota Bharu,  
Kelantan**

**Telefon: 09-745 5800**